

Media Title : Utusan Borneo Sabah
Headline : Pesara rugi lebih RM400,000 diperdaya sindiket penipuan menyamar polis, TNB
Date : 7 January 2026
Section : Nasional
Page : 4



Pesara rugi lebih RM400,000 diperdaya sindiket penipuan menyamar polis, TNB

DUNGUN: Seorang pesara kerugian RM420,410.48 selepas terperdaya dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai wakil Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan polis, November lepas.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintenden Maizura Abdul Kadir berkata lelaki berusia 70 tahun itu menerima panggilan pada 26 Nov mendakwa namanya telah mendaftar meter TNB

di Pahang, yang dinafikan oleh mangsa.

“Panggilan telefon kononnya disambungkan kepada seorang sarjan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang sebelum ke Bukit Aman den-

gan mangsa dimaklumkan namanya mempunyai rekod pengubahan wang haram dan perlu berhubung dengan dua pegawai polis untuk menyelesaikan kes.

“Mangsa diminta memin-

dahkan kesemua wangnya bagi tujuan pengesahan yang dilakukan menerusi 11 transaksi ke tujuh akaun bank selain menyerahkan kad bank serta nombor pin kepada dua individu yang menyamar

sebagai pegawai polis di lokasi berhampiran rumah mangsa,” katanya dalam kenyataan semalam.

Maizura berkata mangsa berasa ditipu apabila wang itu tidak dipulangkan seperti

dijanjikan, menyebabkan-nya membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dungun di sini kelmarin.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. — Bernama